

*Artikel Penyelidikan*

# **Sejarah Masjid Ar-Raudhah Seksyen U10, Persiaran Pulau Angsa, Puncak Perdana: Perkisahan sejarah.**

**Nur Abdah Solehah Mohammad Yassin<sup>1</sup>, Nur Fatemah Zainudin<sup>2</sup>, Ahmad Zam Hariro Samsudin<sup>3</sup> dan Jafalizan Md Jali<sup>4\*</sup>**

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; [202185903@student.uitm.edu.my](mailto:202185903@student.uitm.edu.my)

<sup>2</sup> Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; [2021652776@student.uitm.edu.my](mailto:2021652776@student.uitm.edu.my)

<sup>3</sup> Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; [ahmadzam@uitm.edu.my](mailto:ahmadzam@uitm.edu.my);  0000-0002-2085-8421

<sup>4</sup> Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; [jafalizan@uitm.edu.my](mailto:jafalizan@uitm.edu.my);  0009-0009-7236-9863

\* Correspondence: jafalizan@uitm.edu.my; 019-2055563.

**Abstrak:** Kajian ini dibuat bagi mengetengahkan sejarah pembangunan masjid yang mana dikenalpasti sebagai Masjid Ar-Raudhah U10, Persiaran Pulau Angsa, Puncak Perdana, 40170 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Kajian ini telah dibuat secara kualitatif iaitu dengan menemubual Encik Zainal Abidin bin Shaik Zakaria. Antara objektif kajian ini ialah untuk mengetahui sejarah pembinaan bangunan Masjid Ar-Raudhah, cabaran yang dihadapi dalam pembangunan Masjid Ar-Raudhah dan mengkaji manfaat pembangunan Masjid Ar-Raudhah di kalangan masyarakat pada masa akan datang. Dalam temubual yang dijalankan, beliau menceritakan tentang biodata, latar belakang pendidikan, sejarah awal Masjid Ar-Raudhah, cabaran dan manfaat pembangunan Masjid Ar-Raudhah di kalangan masyarakat. Sebagai penutup wawancara ini, Encik Zainal Abidin bin Shaik Zakaria memberi sedikit pandangan tentang harapan beliau untuk menjadikan Masjid Ar-Raudhah dikenali diseluruh negara dan masjid ini dapat menjadi teladan dalam pelbagai bidang terutamanya dalam era globalisasi. Melalui hasil kajian ini, maklumat mengenai sejarah awal Masjid Ar-Raudhah dan pihak-pihak yang terlibat dalam pembangunannya dapat diketahui. Akhir kata, semua pihak haruslah bekerjasama dalam memelihara sejarah pembangunan masjid ini kerana masjid merupakan institusi keagamaan yang paling penting dalam Islam khususnya berkaitan dengan aspek pendidikan dan pembangunan masyarakat.

*Kata kunci:* Sejarah, Masjid, Ar-Raudhah, Pembangunan, Cabaran, Manfaat

DOI: 10.5281/zenodo.10910278

---



**Copyright:** © 2024 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

---

## **1. PENGENALAN**

Bangunan warisan bersejarah di Malaysia merupakan satu khazanah peninggalan warisan yang amat bernilai bagi menunjukkan identiti negara Malaysia. Perkembangan pembangunan ini telah banyak memberikan manfaat dalam aspek ekonomi, sosial dan pendidikan kepada negara. Malaysia telah mengalami perubahan dari aspek gaya rupa seni bina selepas kemerdekaan (Nik Saiful Ameyrul

& Noria, 2001). Hal ini dikatakan demikian kerana ianya dapat menampilkan hubungan erat antara identiti kebangsaan dengan aktiviti harian manusia. Seni bina ialah unsur yang sering digunakan sebagai elemen bagi mentakrifkan identiti satu kebangsaan. Lambang yang bermakna dalam seni bina terhasil kerana ia mewakili unsur budaya yang terdapat dalam negara tersebut (Vale, 2008).

Bangunan masjid yang dibina di Malaysia mempunyai peranan yang penting sebagai tempat beribadah khusus dalam kehidupan muslim. Ini adalah kerana Malaysia telah mengisyiharkan agama Islam ialah agama rasmi dan majoriti penduduknya adalah penganut agama Islam (MyGovernment, 2017). Akan tetapi, negara ini terdiri daripada pelbagai keturunan, semua agama boleh diamalkan secara bebas dan individu bebas untuk mengamalkan kepercayaan masing-masing.

Antara masjid tertua dan masih kukuh di Malaysia adalah seperti Masjid Kampung Laut yang didirikan pada tahun 1349. Masjid ini terletak di Kampung Nilam Puri yang merupakan sebuah penempatan di Kota Bharu, ibu negeri Kelantan (Syaf & Wawa, 2021). Seorang pendakwah Islam yang datang ke negeri itu pada abad ke-18 membina sebuah masjid bersejarah di tepi sungai di Kampung Laut. Keistimewaan Masjid Kampung Laut terletak pada struktur keseluruhannya yang dibina menggunakan kayu cengal tanpa menggunakan paku, serta kehalusan ukiran yang menjadi daya tarikan utama bagi pelancong, penyelidik, dan juga pelajar seni bina (Berita Harian, 2022). Oleh itu, masjid ini merupakan masjid yang bersejarah yang tidak ternilai warisannya.

Di negara kita, masjid merupakan bangunan yang boleh ditemui di mana-mana tempat baik di bandar atau pun kampung. Pada 12 September 2022, Masjid Ar-Raudhah Seksyen U10, Puncak Perdana telah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj pada tanggal 2 Mei 2019 dan telah beroperasi sejak itu (Zareef Muzammil, 2022). Masjid Ar-Raudhah ini merupakan masjid ke-426 yang dibina di Selangor dan 87 di Petaling yang mula dibina pada 23 November 2015 dengan kos hampir RM14 juta (Portal Rasmi Masjid Al-Raudhah, 2019). Selain kapasiti yang mampu mencapai seramai 2,000 jemaah pada satu masa, Masjid Ar-Raudhah ini juga dilengkapi dengan fasiliti termasuklah ruang solat utama, tempat wudhu dan tandas bagi kaum lelaki dan wanita bilik mesyuarat, pejabat, bilik pengurusan jenazah, menara dan lain-lain (Siti Rohaizah Zainal, 2019). Secara ringkasnya, masjid ini telah banyak memberikan manfaat terutamanya kepada penduduk persekitaran kerana mempunyai kemudahan yang selesa untuk melakukan ibadah dan sebagainya.

## 2. PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan untuk memelihara memori dan sejarah tentang pembangunan Masjid Ar-Raudhah dari hilang ditelan zaman. Melalui sesi temu bual bersama Encik Zainal Abidin bin Shaik Zakaria, kita dapat mengetahui pengalaman dan cabaran beliau dalam pembinaan bangunan tersebut. Tanpa sejarah lisan, cerita-cerita peribadi, pencapaian, dan cabaran yang tidak terdapat dalam catatan rasmi mungkin akan hilang. Hal ini menyebabkan generasi akan datang mempunyai kurang pemahaman tentang bagaimana sesuatu tempat itu berkembang dari pelbagai perspektif. Dengan adanya maklumat penyelidikan sedemikian, sedikit sebanyak dapat juga dijadikan sebagai bahan rujukan oleh para penyelidik yang lain.

Kajian ini juga dijalankan untuk mengelakkan kehilangan sumber untuk pendidikan dan penyelidikan berkaitan dengan pembangunan masjid tersebut. Dengan menjalankan kajian ini, ianya dapat memelihara sumber berharga untuk rujukan generasi yang akan datang. Tanpa adanya akses dan maklumat yang mendalam berkaitan dengan sumber-sumber ini, para pelajar, penyelidik, dan

komuniti akademik mungkin mengalami kesukaran dalam usaha mereka untuk memahami sejarah dan evolusi masjid ini.

Akhir sekali, kajian ini juga dijalankan untuk mengelakkan risiko sejarah yang tidak lengkap menjadi bahan rujukan oleh para pelajar mahupun penyelidik luar. Catatan rasmi yang ada mungkin tidak mencakupi keseluruhan sejarah pembangunan masjid tersebut. Tanpa adanya kajian yang teliti dan lengkap mengenai pembangunan Masjid Ar-Raudhah, mungkin tidak akan mencerminkan semua dimensi pembangunan. Oleh itu, menjalankan kajian ini amat penting dalam merakam memori dan pengalaman individu yang terlibat dengan pembangunan masjid tersebut. Hal ini bertujuan untuk memastikan bahawa semua aspek-aspek yang mungkin dilupakan atau terlalu halus dicatat agar tidak hilang ditelan masa. Dengan adanya sejarah lisan, ia dapat membantu semua pihak menghormati dan memahami pencapaian dan cabaran yang terlibat dalam pembangunan Masjid Ar-Raudhah.

### **3. OBJEKTIF KAJIAN**

Antara objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Untuk mengetahui sejarah pembinaan bangunan Masjid Ar-Raudhah.
- ii. Untuk mengetahui cabaran yang dihadapi dalam pembangunan Masjid Ar-Raudhah
- iii. Untuk mengkaji manfaat pembangunan Masjid Ar-Raudhah di kalangan masyarakat pada masa akan datang

### **4. PERSOALAN KAJIAN**

Antara persoalan bagi kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Bagaimanakah pembinaan bangunan Masjid Ar-Raudhah dijalankan?
- ii. Apakah cabaran yang dihadapi dalam pembangunan Masjid Ar-Raudhah?
- iii. Apakah manfaat pembangunan Masjid Ar-Raudhah di kalangan masyarakat pada masa akan datang?

### **5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN**

Kajian ini memiliki beberapa kepentingan dan sumbangannya terhadap pemahaman dan kelestarian sejarah tentang pembangunan Masjid Ar-Raudhah. Antara kepentingan dan sumbangan kajian adalah seperti berikut:

Antara kepentingan tersebut adalah untuk menyimpan memori atau mengetahui cabaran dan kejayaan pembangunan Masjid Ar-Raudhah. Kajian sejarah lisan ini dilakukan bagi membantu dalam memelihara sejarah disebalik pembangunan masjid tersebut. Ini adalah kerana pembangunan masjid adalah sebahagian daripada sejarah masyarakat dan wilayah tertentu. Dengan menemui bual individu yang memiliki pengetahuan tentang pembangunan masjid tersebut, kita dapat mengetahui cabaran yang dihadapi serta kejayaan yang diperoleh oleh tokoh sepanjang proses pembangunan dan kemajuan masjid itu.

Selain itu, kajian sejarah lisan ini juga membantu dalam mempertingkatkan kesedaran tentang sejarah pembangunan Masjid Ar-Raudhah. Kajian sejarah lisan ini dilakukan untuk meningkatkan pemahaman budaya, dan nilai-nilai yang terselit dalam pembangunan masjid ini. Segala maklumat yang diperolehi secara tidak langsung dapat membantu menjelaskan segala peranan dan kepentingan masjid di kalangan masyarakat setempat termasuklah peranan sosial, keagamaan, dan budaya.

Bukan itu sahaja, kajian ini juga turut dilaksanakan sebagai sumber untuk penyelidikan dan pendidikan di masa kini mahupun akan datang. Kajian sejarah lisan ini memberi manfaat yang penting kepada para penyelidik mahupun sesiapa sahaja yang ingin mengetahui tentang sejarah pembangunan

masjid tersebut. Hal ini secara tidak langsung dapat membantu mereka memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang peristiwa-peristiwa penting yang berlaku serta pengalaman individu yang terlibat dalam pembangunan masjid itu. Kajian ini juga berfungsi sebagai sumber primer yang penting untuk penyelidikan kerana segala maklumat yang diperoleh boleh digunakan untuk melengkapi sumber sejarah yang lain.

## 6. TINJAUAN LITERATUR

### *Sejarah Bangunan Masjid*

Asal usul perkataan "Masjid" adalah dari bahasa Arab yang memiliki makna "tempat bersujud", diambil dari akar kata "sajada" yang bererti "meletakkan dahi ke bumi" atau "bersujud" (Bani Hidayat, Nor Hayati, Ab. Halim & Ahmad Tarmizi, 2011). Masjid memegang peranan penting dalam pembangunan masyarakat Islam baik dari segi dunia ataupun akhirat. Sebuah masjid yang berfungsi dengan baik memiliki kemampuan untuk mengembangkan potensi jemaah secara menyeluruh dari pelbagai aspek terutamanya rohani, akal, jiwa, dan jasmani.

Dalam sembilan kitab hadis utama, yaitu Shahih al-Bukhari, Muslim, at-Tirmidzi, an-Nasa'i, Abu Daud, Ibn Majah, Ahmad, Malik, dan ad-Darimi, terdapat banyak rujukan mengenai perkataan 'masjid'. Jumlah keseluruhannya mencapai 1,686 hadis dalam kitab-kitab tersebut. Dari jumlah tersebut, terdapat 292 hadis yang terdapat dalam Shahih al-Bukhari dan 1,890 hadis dalam Shahih Muslim. Perkataan 'masjid' dapat ditemukan dalam hampir semua bab, terutama yang berkaitan dengan ibadah seperti solat, thaharah, dan wudhu. Selain itu, masjid juga sering dikaitkan dengan iman, jihad, perang, adab, dan tentunya bab-bab yang khususnya membahas masjid.

Di antara tiga masjid yang sangat dihormati dalam Islam, pertama adalah Masjid al-Haram di Mekah yang menampung Kaabah sebagai kiblat bagi umat Islam. Kemudian, ada Masjid an-Nabawi di Madinah dan Masjidil Aqsa di Al-Quds, Jerusalem, Palestin. Masjid terbesar di dunia saat ini adalah Masjid Shah Faisal di Islamabad, Pakistan, dengan luas 46.87 ekar. Menara masjid tertinggi di dunia saat ini adalah menara Masjid Sultan Hassan II di Casablanca, Maghribi, setinggi 210 meter. Kubah masjid terbesar di dunia adalah kubah Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Shah Alam, Selangor, Malaysia, dengan diameter 52 meter dan tinggi 350 meter (Bani Hidayat, Nor Hayati & Ab. Halim, 2011).

### *Sejarah Bangunan Masjid di Malaysia*

Fakta sejarah membuktikan bahwa sejarah masjid memiliki kepentingan sejak zaman Kesultanan Melaka (Siti Nur Shazlina, Nur Fatihah, Mohd. Nazir, Azman & Ahmad Nazri, 2022). Catatan sejarah jelas menunjukkan bahawa masjid memainkan peranan penting dalam pembangunan manusia dan masyarakat dan kegemilangan tamadun Islam itu sendiri. Oleh karena itu, pada era globalisasi ini umat Islam harus mempromosikan masjid sebagai institusi penyatuan dan menghidupkan kembali peranan masjid dengan semua aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan.

Di Malaysia, terdapat banyak masjid lama yang telah dibangunkan. Antaranya adalah seperti Masjid Peringgit, Melaka (1720), Masjid Tua Kampung Laut, Kelantan (1730), Masjid Tua Langgar, Kota Bharu, Kelantan (1874), Masjid Lama Kampung Kuala Serdang, Tanjung Ipoh, Kuala Pilah (1902), dan juga termasuk Masjid Lama Kampung Tuan yang dibangun pada tahun 1830. Meskipun demikian, masih ramai rakyat di negara ini yang belum mengetahui tentang kewujudan masjid-masjid lama ini yang mempunyai banyak sejarah dan keistimewaan.

Dengan demikian, penting untuk mempromosikan pengetahuan dan kesedaran masyarakat tentang sejarah dan kewujudan masjid-masjid lama ini. Pendidikan dan kempen yang sesuai dapat

membantu memperkenalkan dan menghargai nilai-nilai sejarah dan kebudayaan masjid-masjid tersebut. Ini akan membantu membangkitkan rasa kebanggaan dan mengukuhkan hubungan masyarakat dengan institusi masjid serta memastikan keberlanjutan peranan dan kehadiran masjid dalam kehidupan umat Islam di Malaysia.

#### *Kepentingan Bangunan Masjid*

Masjid sangat memainkan peranan yang penting terutamanya dalam kehidupan masyarakat Islam sangat penting, di mana ia berperanan sebagai pusat pendidikan dan penyebaran ilmu agama yang meliputi akidah, ibadah, akhlak, dan seluruh bidang ilmu pengetahuan Islam (Mohd. Ismail & Kamarul Azmi, 2008). Selain itu, masjid juga berfungsi sebagai pusat penyatuan masyarakat dalam menghadapi perselisihan dan perpecahan. Pentingnya kesedaran tentang peranan masjid harus ditanamkan di kalangan anak-anak agar sikap mereka terhadap institusi ini dapat tumbuh dan berkembang dengan benar, terutama dalam menghadapi tantangan era globalisasi yang memberi kesan besar pada proses pendidikan.

Selain itu, masjid bukan hanya tempat ibadah semata-mata tetapi juga menjadi pusat kegiatan kemasyarakatan. Masjid sememangnya telah menjadi pusat pengajaran yang menghasilkan lulusan berkualiti, pusat konferensi, pertemuan, dan penyiaran dakwah serta pusat utama untuk jihad dan hubungan diplomatik dengan negara-negara luar (Mohd. Yusuf Ahmad, 2010). Oleh itu, pembangunan masjid menjadi dasar dan program utama yang diberikan keutamaan dalam membangunkan masyarakat Islam kerana pendidikan dan masjid adalah perkara yang tidak dapat dipisahkan dalam masyarakat sama ada di Malaysia ataupun di seluruh dunia.

#### *Cabaran Institusi Masjid*

Terdapat beberapa isu dan cabaran institusi masjid mesra ummah. Antaranya, kekurangan dana kewangan kerana masjid menghadapi pelbagai cabaran, halangan, dan kesukaran dalam menyediakan kemudahan infrastruktur pembangunan ummah untuk semua golongan masyarakat, disebabkan oleh kekangan dana kewangan (Mohamad Sofuan, 2019). Sumber utama kewangan masjid yang diperoleh melalui kutipan tabung derma masjid sangat terbatas dan digunakan untuk menampung kos operasi masjid. Namun, penyediaan kemudahan infrastruktur masjid yang sesuai dan diperlukan, serta pelaksanaan program dan aktiviti pendidikan dan pembangunan ummah untuk semua golongan masyarakat, memerlukan pihak masjid untuk mengeluarkan kos yang besar secara berterusan.

Selain itu, pihak masjid sangat memerlukan mereka yang pengalaman dan mempunyai kemahiran untuk merancang dan melaksanakan program dan aktiviti pendidikan serta pembangunan ummah bagi semua golongan masyarakat. Tanpa pengalaman dan kemahiran tersebut, pihak masjid akan menghadapi kesulitan dalam merancang dan melaksanakan program dan aktiviti tersebut. Pengalaman dan kemahiran dalam merancang dan melaksanakan program dan aktiviti pendidikan serta pembangunan ummah dapat diperoleh melalui perkongsian pengalaman dengan pihak lain serta melalui penyertaan dalam program-program yang dianjurkan oleh pihak lain dalam bidang pendidikan dan pembangunan ummah. Oleh itu, tanpa pengalaman dan kemahiran ini, pihak masjid akan menghadapi kesulitan dalam merancang dan melaksanakan program dan aktiviti tersebut secara efektif untuk kebaikan semua golongan masyarakat.

#### *1.2 Hasil Carian*

##### *1.2.1 Laman Sesawang Portal Rasmi Masjid Ar-Raudhah Seksyen U10*

Berdasarkan pencarian berkaitan Masjid Ar-Raudhah Seksyen U10, antara dapatan utamanya adalah laman sesawang portal rasmi. Melalui laman portal rasmi ini, pengkaji mendapat banyak maklumat berkaitan dengan masjid ini termasuk sejarah pembangunan masjid ini, perkhidmatan yang

disediakan, aktiviti, berita dan makluman, ahli kariah (pendaftaran ahli), aduan dan sumbangan tabung. Selain itu, terdapat juga perkara yang berkaitan dengan pengurusan di Masjid Ar-Raudhah yang merangkumi dari aspek kewangan, sumber manusia dan perkara yang berkaitan dengan pengesahan kehadiran Mesyuarat Agung Tahunan 2021 serta maklumat e-filing. Akan tetapi, segala maklumat yang dipaparkan melalui laman portal ini tidak lengkap, malah ada yang tidak mempunyai maklumat langsung serta tidak dikemaskini (kemaskini terakhir laman portal ini adalah pada 21 April 2020). Oleh itu, paparan maklumat dilaman sesawang portal rasmi mengenai masjid ini tidak lengkap kerana kurang maklumat yang dikemaskini dan di muat naik.

#### 1.2.2 *Media Sosial Masjid Ar-Raudhah Seksyen U10*

Paparan maklumat tentang Masjid Ar-Raudhah melalui media sosial ialah melalui Facebook. Laman rasmi media sosial untuk masjid ini dicipta pada 2 Mei 2019 iaitu sempena hari pertama pembukaan Masjid Ar-Raudhah Seksyen U10. Laman Facebook masjid ini memainkan peranan yang penting dalam penyebaran aktiviti agama dan lain-lain di kalangan masyarakat. Selain itu, akaun ini juga memaparkan maklumat asas tentang Masjid Ar-Raudhah Seksyen U10 ini. Contohnya seperti alamat, nombor telefon mudah alih, laman web, dan waktu operasi masjid ini. Disamping itu,, melalui akaun media sosial ini, pengkaji dapat juga mengakses pelbagai aktiviti yang dilaksanakan di masjid ini kerana ianya sentiasa memaparkan segala aktiviti yang dilakukan oleh masjid yang akan dikemaskinikan dari semasa ke semasa melalui Facebook. Antara aktiviti yang sering dimuat naik ialah kuliah-kuliah yang berkaitan dengan Fiqh Masjid, Tahsin AL-Quran, Kuliah Umum, Kitab Asbabun Nuzul, dan banyak lagi.

#### 1.2.3 *Google*

Berdasarkan pencarian melalui Google, terdapat sebanyak 417,000 bahan yang disediakan dibawah tajuk Masjid Ar-Raudhah. Akan tetapi, hanya ada beberapa laman sesawang yang berkaitan dengan carian maklumat kajian yang pengkaji jalankan. Ini adalah kerana Masjid Ar-Raudhah yang dipaparkan kebanyakannya adalah secara umum iaitu merangkumi daripada pelbagai daerah mahupun dari negara lain.

#### 1.2.4 *OFA (Online Finding Aids)*

Berdasarkan carian melalui OFA, segala maklumat yang berkaitan dengan Masjid Ar-Raudhah Seksyen U10 tidak dijumpai. Ini adalah kerana masjid ini masih baru dimana ia dibina pada tahun 2019. Terdapat enam bahan utama yang dipaparkan melalui laman sesawang OFA, akan tetapi semuanya tidak berkaitan dengan Masjid Ar-Raudhah Seksyen U10 dan hanya maklumat berkaitan masjid negara yang dipaparkan.

#### 1.2.5 *Temubual*

Berdasarkan sesi temubual bersama Encik Zainal Abidin bin Shaik Zakaria dan Encik Mohamad Shaik Yusof bin Shaik Hassan selaku Nazir dan Setiausaha di Masjid Ar-Raudhah Seksyen U10 terdapat beberapa soalan yang telah diajukan kepada mereka mengenai pembangunan masjid tersebut dengan lebih mendalam. Soalan-soalan sesi temubual tersebut telah dibahagi kepada tiga soalan iaitu orientasi, umum dan spesifik. Hal ini sangat membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat dengan lebih berkesan dan sistematik. Segala maklumat yang diperlukan oleh pengkaji dapat dikumpulkan dan pengkaji juga dapat maklumat yang lebih terperinci untuk menyokong maklumat daripada sumber-sumber carian internet yang lain dengan bukti dokumen-dokumen yang telah diberikan.

## 7. METODOLOGI

Pendekatan kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah pendekatan kualitatif iaitu melalui kaedah tinjauan temubual secara bersemuka bersama tokoh yang dipilih. Dalam konteks atau kajian ini, tokoh yang dipilih oleh penyelidik ialah Encik Zainal Abidin bin Shaik Zakaria yang merupakan seorang nazir di Masjid Ar-Raudhah Seksyen U10, Puncak Perdana, bersama setiausaha beliau iaitu Encik Shaik Mohamad Yusof bin Shaik Hassan. Pendekatan kualitatif iaitu melalui kaedah tinjauan temubual secara bersemuka adalah digunakan untuk mengemudi soal selidik yang berstruktur di mana penyelidik telah menyediakan serta menyiapkan pelbagai jenis soalan mengikut objektif kajian yang telah ditetapkan untuk sesi temu bual.

Secara dasarnya, pemilihan tokoh untuk tugasan sejarah lisan ini memainkan peranan yang sangat penting dalam membantu memberikan informasi dan maklumat yang bermanfaat yang memenuhi kriteria-kriteria yang diperlukan berkaitan dengan tajuk. Oleh itu, penyelidik sebulat suara bersetuju untuk memilih Encik Zainal Abidin bin Shaik Zakaria, yang merupakan seorang nazir di Masjid Ar-Raudhah Seksyen U10, Puncak Perdana bersama setiausaha beliau iaitu Encik Shaik Mohamad Yusof bin Shaik Hassan sebagai tokoh kajian ini. Encik Zainal Abidin merupakan Nazir merangkap ketua di Masjid Ar-Raudhah. Selain itu, beliau juga merupakan seorang peguam bela, peguam syariah dan juga seorang peguam syarie. Tambahan pula, beliau memegang jawatan timbalan presiden peguam syarie di Selangor. Encik Zainal Abidin juga ialah ahli Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan ahli pijari tabung infaq umat Islam Selangor. Oleh itu, pengalaman Encik Zainal Abidin dalam pelbagai bidang tersebut dapat membuktikan bahawa beliau merupakan seorang yang komited dan bertanggungjawab dalam melakukan sesuatu tugasan.

Sepanjang tempoh temubual antara penyelidik dan tokoh iaitu Encik Zainal Abidin bin Shaik Zakaria, dan setiausaha beliau iaitu Encik Shaik Mohamad Yusof bin Shaik Hassan, beberapa prosedur pengumpulan data telah ditetapkan dalam sesi temu bual ini. Antara kaedah yang digunakan ialah penyelidikan bersifat kualitatif iaitu sejarah lisan. Platform yang digunakan adalah secara bersemuka bersama kedua tokoh. Hal ini memudahkan penyelidik dalam sesi temu bual kerana cara penyampaian soalan dan jawapan menjadi lebih jelas antara tokoh dan penemu bual. Penyelidik telah berkunjung ke Masjid Ar-Raudhah dan menemu bual kedua-dua tokoh di dalam pejabat dan bilik mesyuarat masing-masing pada hari yang berbeza. Semasa sesi temu bual tersebut berlangsung, penyelidik telah menyediakan dan mengajukan 113 soalan soalan yang ingin dikaji mengikut objektif kajian yang telah ditetapkan. Seterusnya, tokoh-tokoh tersebut perlu menjawab segala soalan yang diajukan dan tempoh bagi sesi temu bual adalah selama 120 minit iaitu bersamaan dengan 2 jam.

## 8. HASIL KAJIAN

Hasil kajian ini bertujuan untuk menerangkan perubahan awal bangunan Masjid Ar-Raudhah Seksyen U10, ahli-ahli jawatankuasa yang terlibat, agensi yang terlibat, cabaran dan manfaat masjid tersebut di kalangan masyarakat terutamanya penduduk Persiaran Pulau Angsa, Shah Alam, Selangor.

Kajian ini merujuk kepada beberapa kajian lepas yang menunjukkan bahawa masjid Ar-Raudhah merupakan masjid ini mempunyai peranan yang amat penting di kawasan Puncak Perdana. Kajian ini juga menyentuh tentang perbezaan perbezaan masjid dan surau serta musollah. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan teknik pengumpulan data melalui sejarah lisan dan wawancara. Sejarah lisan adalah kaedah yang mengumpulkan maklumat daripada sumber lisan yang mempunyai pengalaman atau pengetahuan tentang sesuatu topik (Seow Han Lin, 2020). Wawancara adalah kaedah dimana soalan-soalan dikemukakan kepada responden untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan. Kajian ini menggunakan soalan terbuka dan tertutup untuk mendapatkan maklumat

daripada nazir Masjid Ar-Raudhah Seksyen U10. Selain dari itu, ia juga menggunakan analisis kandungan untuk menganalisis data yang diperoleh.

Melalui kajian ini juga pengkaji mendapati bahawa Masjid Ar-Raudhah Seksyen U10 merupakan masjid kariah. Hal ini dikatakan demikian kerana pengusulan masjid ini adalah daripada penduduk Persiaran Pulau Angsa ataupun dikenali sebagai protem komiti. Keputusan mengenai semua aspek pembinaan yang terkait dengan masjid ini ditentukan melalui undian yang melibatkan seluruh penduduk U10. Oleh itu, segala perkara termasuk perancangan memperluas prasarana masjid, pembinaan yang berkaitan dengan masjid adalah daripada undian semua penduduk kawasan U10. Pembinaan masjid ini juga bertujuan bagi mengeratkan lagi silaturrahim antara penduduk. Ini adalah kerana, ketiadaan masjid di kawasan itu akan menyebabkan kurangnya interaksi antara penduduk dalam melaksanakan ibadah kerana mereka hanya beribadah di surau di kawasan masing-masing. Pada awalnya, masjid ini dikendalikan oleh ahli jawatankuasa kumpulan pertama, akan tetapi, rancangan tersebut tidak berjaya. Kemudian, ahli jawatankuasa kumpulan kedua dibawah tanggungjawab Encik Zainal Abidin telah berjaya mencapai hasrat pembinaan masjid di kawasan U10 ini. Selain itu, cabaran dalam institusi masjid ini adalah dari segi kerohanian manusia kerana cita rasa atau kemahuan yang berbeza-beza. Akhir sekali, manfaat Masjid Ar-Raudhah Seksyen U10 ini ialah masjid ini menyediakan pelbagai kemudahan kepada penduduk termasuk pengurusan jenazah secara percuma, insentif bagi pelajar-pelajar cemerlang, aktiviti-aktiviti sukan dan sebagainya.



Gambar 1: Bangunan Masjid Ar-Raudhah

## 9. KESIMPULAN

Secara tuntas, kajian ilmiah ini telah dijalankan bertujuan untuk mengetahui sejarah pembinaan masjid Ar-Raudhah, cabaran yang dihadapi dalam pembangunan masjid Ar-Raudhah, dan mengkaji manfaat pembangunan masjid Ar-Raudhah di kalangan masyarakat pada masa akan datang. Tambahan pula, pengkaji juga dapat mengenali salah seorang yang terlibat dalam pembinaan masjid tersebut iaitu Encik Zainal Abidin bin Shaik Zakaria dan Encik Shaik Mohamad Yusof bin Shaik Hassan yang mempunyai pengetahuan yang sangat mendalam mengenai pembinaan masjid Ar-Raudhah Seksyen U10, Puncak Perdana, Selangor.

Pembinaan dan pemerkasaan masjid merupakan prinsip utama dalam memajukan masyarakat Islam, terutama dalam era kontemporari yang semakin mencabar ini. Hubungan antara masyarakat Islam dan masjid tidak dapat dipisahkan, kerana masjid adalah pusat kegiatan dan panji utama umat Islam (Talhah Ajmain & Shahrul Fitry, 2019). Institusi masjid juga memerlukan sokongan aktif masyarakat Islam untuk memelihiaranya. Oleh itu, cadangan-cadangan untuk memperkuat peranan masjid dianggap sangat penting agar masyarakat dapat menjadikannya sebagai pusat yang komprehensif, sekaligus untuk mengembangkan lagi ajaran Islam dan memajukan masyarakat kontemporari di Malaysia. Justeru, penting untuk memperkuat peranan masjid seiring dengan

kemajuan zaman agar institusi masjid dapat berfungsi dalam membangunkan kelompok individu dan masyarakat yang sejahtera.

Kesimpulannya, kajian Sejarah lisan ini memiliki banyak kepentingan dan sumbangsan yang penting dalam melestarikan sejarah, budaya, dan nilai-nilai yang berkait dengan masjid di kalangan masyarakat. Hal ini secara tidak langsung dapat membantu memastikan bahwa cerita-cerita yang tidak tertulis dalam pembangunan masjid tidak hilang ditelan masa, seterusnya dapat disambungkan kepada generasi akan datang.

**Penghargaan:** Syukur ke hadrat Ilahi untuk kami kerana dapat menyiapkan dengan mudah untuk segala urusan kami sebelum, semasa, dan selepas bagi menyiapkan tugas ini. Dengan berkat dan rahmat-Nya, kami telah berjaya untuk menyiapkan tugas ini bersama-sama mengikut masa yang telah dijadualkan dengan tepat. Rezeki kesihatan yang baik merupakan satu kurniaan untuk membantu kami supaya membuat tugas ini dalam keadaan baik dan bersemangat. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa rintangan yang datang tiba-tiba kami duga tetapi dapat diatasi dengan matang dan mudah melalui petunjuk yang ditunjuk oleh-Nya. Sesungguhnya kami hanyalah insan yang biasa dan kekurangan itu merupakan pembuka jalan kepada kami untuk terus berfikir dengan tenang bagi menyelesaikan masalah itu. Alhamdulillah, kami sangat-sangat bersyukur Ya Allah.

Selain itu, kami juga ingin merakamkan jutaan terima kasih penghargaan kepada Encik Zainal Abidin bin Shaik Zakaria dan di atas masa yang dipinjamkan dan beliau sudi untuk memenuhi permintaan kami yang banyak bagi melengkapkan tugas ini. Segala isi, nasihat dan maklumat yang diberikan kepada kami akan digunakan dengan sebaiknya dan semoga ianya dapat memberi inspirasi kepada orang ramai terutamanya kepada warga pendidik. Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Encik Shaik Mohamad Yusof bin Shaik Hassan yang merupakan orang terdekat kepada tokoh yang memberi maklumat sampingan dan ianya juga merupakan salah satu aspek yang penting bagi tugas ini. Sekali lagi kami ingin mengucapkan terima kasih di atas kerjasama dari mereka yang telah diberikan sepanjang proses temubual. Segala perkongsian ilmu yang diberikan sangat membantu kami untuk mengetahui dengan lebih lanjut berkaitan sejarah Masjid Ar-Raudhah Seksyen U10, Persiaran Pulau Angsa, Puncak Perdana, 40170 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Kami berasa sangat bersyukur dan bangga menjadi salah satu orang yang dapat menemu bual kedua-dua tokoh ini kerana mash terdapat warga penduduk yang ikhlas dan sangat bertanggungjawab dengan menaik taraf tahap pembangunan masjid ini di Puncak Perdana. Walaupun terdapat beberapa cabaran semasa melaksanakan tugas ini, namun kami dapat menyelesaikan dengan berjaya dengan sesi temubual antara kedua-dua tokoh tersebut.

Seterusnya, tidak dilupakan juga kepada pensyarah yang sangat kami hargai dan sayangi iaitu Encik Jafalizan bin Md. Jali yang telah mengajar kami bagi kursus IMR6O4 Oral Documentation (Pendokumentasian Sejarah Lisan). Berkat pembelajaran dan penyampaian oleh beliau dapat kami melaksanakan dan menyelesaikan tugas ini dengan lebih mudah dan lebih jelas untuk mencapai objektif bagi kursus ini. Segala sokongan beliau kepada kami sangat kami hargai. Tambahan pula, tanpa penolongan beliau mungkin kami tidak akan dapat membuat tugas ini dengan sempurna dan selesaikan dengan sangat mudah. Jelas sekali, segala masa dan pengorbanan oleh beliau kepada kami selama mengendalikan tugas ini dapat membantu dan memantau hasil kerja kami. Beliau juga memberikan ilmu yang dapat memberi kami satu bayangan dan pengalaman untuk kami berfikir diluar kotak, berfikir lebih kreatif, dan mengajar kami untuk mengurus sesuatu dengan lebih profesional. Terima kasih sentiasa memberikan kata-kata semangat yang tidak terhingga dan sudi menerima kami sebagai pelajar untuk mengajar sehingga berkesan.

Akhir sekali, tidak dilupakan juga kepada keluarga, rakan-rakan dan orang sekeliling yang telah memudahkan untuk kami menyiapkan tugas ini. Tanpa sokongan, dorongan dan galakan daripada orang terdekat kami mungkin kami tidak akan berada disini. Terima kasih juga kepada Wan Nuralysa Qamarina binti Wan Azmi, Wan Mohamad Nuzul Iekuel bin Wan Mohd Nor, Nurhani Sofea binti Mohd Subki dan Faiz Nur Rasyiqah Rauqah binti Mohamad Fadzli yang telah membantu kami sepanjang melaksanakan tugas temubual ini bersama-sama. Tidak dilupakan juga kepada rakan sekelas dan rakan serumah yang lain kerana telah banyak memberi dorongan dan semangat kepada kami dalam menyiapkan tugas ini. Kami juga ingin berterima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberi ruang kepada kami untuk menyempurnakan tugas ini.

## RUJUKAN

- Bani Hidayat Mohd. Syafie., Nor Hayati Fatmi Talib., Ab. Halim Tamuri & Ahmad Tarmizi Talib. (2011). Masjid Menjana Pembentukan Belia Rabbani. *Malaysian Journal of Youth Studies*.
- Bani Hidayat Mohd. Syafie., Nor Hayati Fatmi Talib & Ab. Halim Tamuri (2011). Masjid Pusat Perkembangan Tamadun Islam.
- Berita Harian. (2022). Masjid Kampung Laut dijangka dibuka kepada awam Jun.
- Facebook. (2019). Masjid Ar-Raudhah, Seksyen U10.
- Latar belakang. (2019). Portal Rasmi Masjid Al Raudhah Seksyen U10 Shah Alam.
- Mohd. Ismail Mustari Karjo & Kamarul Azmi Jasmi. (2008). Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Press. ISBN: 978-983-52-0503-3.
- Mohd. Yusuf Ahmad. (2010). Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Masjid. Open University Malaysia.
- Mohamad Sofuan Saleh. (2019). Pengimaranan Masjid: Masjid Mesra Ummah - Isu dan cabaran. International Conference on Mosque, Zakat & Waqf. ISBN: 978-967-13087-5-2.
- MyGovernment. (2017). Maklumat Malaysia. Jabatan Penerangan Malaysia.
- Nik Saiful Ameyrul Nik Hanapi & Noria Tugang. (2021). Transformasi Bangunan Warisan Bersejarah: Suatu Tinjauan Menyeluruh. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 6, Issue 7, (page 228 - 235). DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i7.881>
- Seow, H. L. (2020). Sejauh manakah Sejarah Lisan penting dan diperlukan dalam penyelidikan dan penulisan sejarah?. 10.13140/RG.2.2.27531.31527.
- Siti Nur Shazlina., Nur Fatihah., Mohd. Nazir Ahmad., Azman Mat Isa & Ahmad Nazri Mansor. (2022). Jejak Warisan: Masjid Lama Kampung Tuan. *Jurnal Sejarah Lisan Malaysia*. ISSN 2600-7088 Jilid 6 Isu 1.
- Siti Rohaizah Zainal. (2019). Reka bentuk moden Masjid Ar-Raudhah. *Surat Khabar Utusan Malaysia*.
- Syaf & Wawa (2021). Tiga masjid tertua yang berusia lebih dari 400 tahun di Malaysia yang masih kukuh binaanya. Berita PAS Islam Menyatukan Ummah.
- Talhah Ajmain & Shahrul Fitry Abdul Majid. (2019). Masjid Medium Pendidikan Membina Masyarakat Berakhlik. Seminar Kebangsaan Keluarga Sejahtera Negeri Johor.
- Vale, L. (2008). Architecture, Power, and National Identity (2nd ed.). Routledge Taylor & Francis Group London and New York.
- Zareef Muzammil. (2022). Sultan berkenan rasmi Masjid Ar-Raudhah Puncak Perdana. Selangorkini.